



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEMAHIRAN MENDENGAR PELAJAR MELAYU DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MANDARIN: SATU KAJIAN KES

TAN LEE NA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DISERAHKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA PENGAJIAN BAHASA MODEN**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2011



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**UNIVERSITI MALAYA****PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama : **Tan Lee Na** (No.K.P/Pasport: 760122-08-5324)
 No. Pendaftaran/Matrik : **TGA040002**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil kerja ini") : **Kemahiran Mendengar Pelajar Melayu Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Mandarin: Satu Kajian Kes**

Bidang Penyelidikan:

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan, atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar statu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon
 Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan.

Tarikh: 25 Februari 2011

Tandatangan Saksi
 Nama : En. Chiah Seng
 Jawatan : Pensyarah Kanan/Penyelia

Tarikh: 25 Februari 2011



ABSTRAK

Kajian ini merupakan suatu kajian kes untuk meneliti empat isu penting berkaitan keupayaan kemahiran mendengar pelajar Melayu dalam pembelajaran bahasa Mandarin, khususnya dalam aspek fonetik bahasa Mandarin atau dikenali sebagai Hanyu Pinyin (HP). Isu pertama berkaitan dengan menganalisis keupayaan pelajar mentranskripsikan dan membezakan komponen utama HP. Kedua, mengkaji kesilapan yang sering dilakukan oleh pelajar dalam aspek kemahiran pendengaran. Ketiga, mengenalpasti punca-punca kesilapan yang berlaku dalam proses mentranskripsikan suku kata awal, suku kata akhir dan nada dalam HP. Isu terakhir pula mencadangkan alternatif penyelesaian masalah kesilapan mendengar yang dilakukan oleh pelajar. Ujian dan soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian dan penentuan subjek kajian adalah mengikut jadual penentuan saiz sample Krejcie dan Morgan 1970. Subjek kajian terdiri daripada 40 orang pelajar Melayu yang mengikuti kursus Bahasa Mandarin Komunikasi I di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak. Data dianalisis dengan menggunakan kaedah deskriptif dengan bantuan SPSS 12.0. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa pelajar berkeupayaan tinggi dalam mentranskripsikan dan membezakan HP dalam aspek kemahiran mendengar di mana 80% dalam kalangan subjek kajian mencapai keputusan yang cemerlang. Selain itu, bunyi lelangit, dalam komponen suku kata awal, vokal sengau dalam komponen suku kata akhir dan nada kedua dalam komponen nada masing-masing telah mencatat bilangan kesilapan yang paling tinggi. Punca utama yang menyebabkan berlakunya kesilapan adalah disebabkan masa ulangkaji yang kurang dan seterusnya menyebabkan subjek kajian berasa keliru dalam pembelajaran bahasa Mandarin. Justeru itu, beberapa langkah pemulihan telah dicadangkan dalam kajian ini untuk membantu mengatasi masalah-masalah yang menyekat kemajuan pelajar dalam pembelajaran bahasa Mandarin, khususnya dalam aspek HP.



ABSTRACT

This study is a case study to examine four important issues regarding Malay students' listening skill in learning Mandarin. In particular the aspect of Chinese phonetics, also known as Hanyu Pinyin (HP). The first issue addresses the students' ability to transcribe and distinguish between the main components of HP. Secondly, to study the mistakes often done by students in their listening skill. The third issue is to identify the causes of errors in the process of transcribing the initial and final syllables and tone in the HP. The final issue provides alternative solutions to overcome the problems faced by students in the listening tasks. Test and questionnaire are used as the study's instrument whereas the subjects are determined based on the table for determining sample size by Krejcie and Morgan 1970. The subjects of this study comprise of 40 Malay students who are undergoing the Mandarin Communication Course I in Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak. Data is analysed using the descriptive method with the help of SPSS 12.0. The results of the study reveal that students are able to transcribe and distinguish HP in the listening skills as 80% of the subjects scored excellent results. Other than that, the palatal sound in the initial syllables component, nasal vocals in the final syllable component and the second tone in the tone component have recorded the most number of errors. The main causes of these errors are due to the lack of revision time which results in the subjects being confused in their learning of Mandarin. Hence, this study proposes the remedial strategies to overcome the problems faced by students in the learning of Mandarin especially the HP aspect.



PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada En. Chiah Seng, selaku penyelia yang tidak jemu dan penuh sabar semasa membimbing saya serta memberi tunjuk ajar kepada saya dalam usaha menyiapkan kajian ini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr. Nor Azmi Mostafa, selaku Pengarah Pusat Bahasa Moden, UPSI, Cik Mazura Mastura, selaku bekas Pengarah Pusat Bahasa Moden, UPSI, guru bahasa En Lai Foo Fat, serta pelajar-pelajar ke atas segala nasihat dan kerjasama yang diberikan.

Ribuan terima kasih juga ingin saya ucapkan kepada En. Saw Kin Lee, ketua Unit Bahasa Cina, INTAN, Cik Amelia, Dr. Thomas Wong Kun Teck yang telah banyak memberi galakkan, bimbingan dan nasihat yang bernilai dalam penulisan disertasi ini.

Akhir sekali, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli keluarga saya atas pengorbanan dan sokongan yang diberi sepanjang penyediaan disertasi ini.

**KANDUNGAN**

	Halaman
Tajuk	i
Perakuan	ii
Abstrak	iii
Abstract	iv
Penghargaan	v
Senarai Jadual	ix
Senarai Carta	x
Senarai Rajah	x
Senarai Singkatan	xi
 BAB 1 PENGENALAN	
1.0 Pengenalan	I
1.1 Pernyataan Masalah	3
1.2 Persoalan Kajian	5
1.3 Objektif Penyelidikan	5
1.4 Kepentingan Kajian	6
1.4.1 Sumbangan dari segi teori	6
1.4.2 Sumbangan dari segi praktis	7
1.5 Limitasi Penyelidikan	7
1.5.1 Dari segi bilangan subjek	8
1.5.2 Dari segi kaedah penyelidikan	8
1.5.3 Dari segi hasil penyelidikan	8
1.6 Kesimpulan	8
 BAB 2 SOROTAN KAJIAN LEPAS	
2.0 Pengenalan: Perkembangan PPBM2 di China	9
2.1 Hasil Kajian PPBM2	12
2.1.1 Hasil kajian PPBM2 di China	12
2.1.2 Hasil kajian PPBM2 di Malaysia	17



2.1.3	Perbandingan antara kajian di China dan Malaysia	20
2.2	Evolusi Sistem Fonetik Bahasa Mandarin	23
2.3	Hanyu Pinyin	25
2.3.1	Suku kata awalan	26
2.3.2	Suku kata akhiran	27
2.3.3	Nada	28
2.3.4	Peraturan ejaan	29
2.4	Penggunaan HP Dalam PPBM2	31
2.4.1	Hasil kajian HP dalam PPBM2 di China	32
2.4.2	Hasil kajian HP dalam PPBM2 di Malaysia	38
2.5	Kemahiran Mendengar	41
2.5.1	Pengenalan	41
2.5.2	Kepentingan kemahiran mendengar dalam proses pengajaran dan pembelajaran	42
2.6	Kesimpulan	44
 BAB 3 METODOLOGI		
3.0	Pengenalan: Metodologi Penyelidikan	45
3.1	Subjek	45
3.2	Instrumen Kajian	47
3.2.1	Ujian	47
3.2.2	Soal selidik	48
3.3	Tatacara Penyelidikan	49
3.4	Analisis Data	51
 BAB 4 ANALISIS DATA		
4.0	Pengenalan	52
4.1	Analisis Latar Belakang Subjek Kajian	52
4.2	Pemaparan Hasil Kajian	56
4.3	Keupayaan Kemahiran Mendengar Pelajar	62
4.3.1	Suku kata awalan	62
4.3.2	Suku kata akhiran	70
4.3.3	Nada	78
4.4	Kumpulan Kesilapan Dalam Kemahiran Mendengar Sebutan Fonetik Bahasa Mandarin	79

	05-4506832	pustaka.upsi.edu.my	Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	PustakaTBainun	ptbupsi
4.4.1	Suku kata awalan				80
4.4.2	Kategori kesilapan suku kata awalan				86
4.4.3	Suku kata akhiran				88
4.4.4	Kategori kesilapan suku kata akhiran				94
4.4.5	Nada				95
4.5	Punca Kesilapan				97
4.6	Kesimpulan				108
BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN				
5.0	Pengenalan				110
5.1	Rumusan Kajian				110
5.2	Cadangan Langkah Pemulihan				112
5.3	Cadangan Untuk Kajian Selanjutnya				118
5.4	Kesimpulan				119
RUJUKAN					121
LAMPIRAN A	SOAL SELIDIK				126
LAMPIRAN B	LAPORAN ANALISIS DATA SOAL SELIDIK				134
LAMPIRAN C	LAPORAN ANALISIS SUKU KATA AWALAN				144
LAMPIRAN D	KLASIFIKASI KESILAPAN SUKU KATA AWALAN BERDASARKAN KESILAPAN TERKUMPUL UTAMA				151
LAMPIRAN E	LAPORAN ANALISIS SUKU KATA AKHIRAN				153
LAMPIRAN F	KLASIFIKASI KESILAPAN SUKU KATA AKHIRAN BERDASARKAN KESILAPAN TERKUMPUL UTAMA				164
LAMPIRAN G	LAPORAN ANALISIS NADA BAHASA MANDARIN				168
LAMPIRAN H	KESILAPAN TERKUMPUL UNTUK NADA BAHASA MANDARIN				173
LAMPIRAN I	PUNCA KESILAPAN FONETIK BAHASA MANDARIN				176
LAMPIRAN J	CONTOH BORANG PUNCA KESILAPAN & JAWAPAN UJIAN PENDENGARAN 1 & 2				183

Jadual 2.1	Pembahagian Suku Kata Awalan Mengikut Cara Penyebutan	27
Jadual 2.2	Pembahagian Suku Kata Akhiran Mengikut Cara Pembentukan	28
Jadual 3.1	Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970)	46
Jadual 4.1	Penggunaan Bahasa	53
Jadual 4.2	Tahap Penguasaan Bahasa	54
Jadual 4.3	Tujuan Mengikuti Kursus Bahasa Mandarin Komunikasi	55
Jadual 4.4	Tahap Minat Pembelajaran Bahasa Mandarin	55
Jadual 4.5	Masa Membuat Ulangkaji	56
Jadual 4.6	Penggredan Skala UPSI	57
Jadual 4.7	Keputusan Ujian Kali Pertama	58
Jadual 4.8	Keputusan Ujian Kali Kedua	60
Jadual 4.9	Keputusan Ujian Mendengar Sebutan Fonetik Bahasa Mandarin	61
Jadual 4.10	Perolehan Subjek Dalam Suku Kata Awalan	65
Jadual 4.11	Perolehan Subjek Dalam Perbezaan Bunyi <i>Aspirated</i> Dan <i>Unaspirated</i>	67
Jadual 4.12	Perolehan Sampel Dalam Kumpulan Perbezaan Bunyi Gelungan, Bunyi Sibilan Dan Bunyi Lelangit	68
Jadual 4.13	Perolehan Subjek Dalam Kumpulan Perbezaan Bunyi Gigi	69
Jadual 4.14	Perolehan Subjek Dalam Kumpulan Perbezaan Suku Kata Awalan Yang Lain	70
Jadual 4.15	Perolehan Subjek Dalam Bahagian Vokal Tunggal	71
Jadual 4.16	Perolehan Subjek Dalam Bahagian Vokal Majmuk	72
Jadual 4.17	Perolehan Subjek Dalam Bahagian Vokal Sengau	73
Jadual 4.18	Perolehan Subjek Dalam Bahagian Vokal Gelungan	75
Jadual 4.19	Perolehan Subjek Dalam Bahagian Perbezaan Vokal Tunggal	76
Jadual 4.20	Perolehan Subjek Dalam Bahagian Perbezaan Vokal Majmuk	76
Jadual 4.21	Perolehan Subjek Dalam Bahagian Perbezaan Vokal Sengau	77
Jadual 4.22	Perolehan Subjek Kajian Dalam Bahagian Nada Bahasa Mandarin	78
Jadual 4.23	Kesilapan Terkumpul Untuk Bunyi Bibir	80
Jadual 4.24	Kesilapan Terkumpul Untuk Bunyi Gigi	81
Jadual 4.25	Kesilapan Terkumpul Untuk Bunyi Gutural	82
Jadual 4.26	Kesilapan Terkumpul Untuk Bunyi Lelangit	83
Jadual 4.27	Kesilapan Terkumpul Untuk Bunyi Sibilan	84
Jadual 4.28	Kesilapan Terkumpul Untuk Bunyi Gelungan	85

Jadual 4.29	Klasifikasi Kesilapan Mentranskripsikan Suku Kata Awalan	87
Jadual 4.30	Kesilapan Terkumpul Untuk Vokal Tunggal	88
Jadual 4.31	Kesilapan Terkumpul Untuk Vokal Majmuk	90
Jadual 4.32	Kesilapan Terkumpul Untuk Vokal Sengau	92
Jadual 4.33	Kesilapan Terkumpul Untuk Vokal Gelungan	94
Jadual 4.34	Kategori Kesilapan Dalam Mentranskripsikan Suku Kata Akhiran	95
Jadual 4.35	Kesilapan Terkumpul Bagi Nada Bahasa Mandarin	97
Jadual 4.36	Hubungan Antara Pandangan Subjek Kajian Terhadap Tahap Kesukaran Suku Kata Awalan Dan Pencapaian Sebenar	99
Jadual 4.37	Hubungan Antara Pandangan Subjek Kajian Terhadap Tahap Kesukaran Suku Kata Akhiran Dan Pencapaian Sebenar	101
Jadual 4.38	Hubungan Antara Pandangan Subjek Kajian Terhadap Tahap Kesukaran Nada Dan Pencapaian Sebenar	102
Jadual 4.39	Punca Kesilapan Mengikut Golongan Suku Kata Awalan	105
Jadual 4.40	Punca Kesilapan Mengikut Golongan Suku Kata Akhiran	107
Jadual 4.41	Punca Kesilapan Nada Bahasa Mandarin	108

SENARAI CARTA

Carta 4.1	Keputusan Ujian Pendengaran Secara Keseluruhan	62
-----------	--	----

SENARAI RAJAH

Rajah 2.1	Cara Penyebutan Suku Kata Awalan	26
Rajah 2.2	Tanda-Tanda Diakritik 4 Nada	29

B1 : bahasa pertama

B2 : bahasa kedua

BC : bahasa Cina

BCA1012 : Kursus Bahasa Mandarin Komunikasi I

BCK : Bahasa Cina Komunikasi

BI : bahasa Inggeris

BM : bahasa Melayu

Hanban : *The Office of Chinese Language Council International*

HP : Hanyu Pinyin

HSK : *Chinese Proficiency Test*

ILLANNS: *International Conference Issues in Language Teaching and Learning
Amongst Non-Native Speakers*

INTAN : Institusi Pentadbiran Awam Negara

IPT : Institusi Pengajian Tinggi

IPTA : Institusi Pengajian Tinggi Awam

IPTS : Institusi Pengajian Tinggi Swasta

KBSR : Kurikulum Baru Sekolah Rendah

KBSM : Kurikulum Baru Sekolah Menengah

KPM : Kementerian Pendidikan Malaysia

KPT : Kementerian Pendidikan Tinggi

PBBM2 : pembelajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua

PGBM2 : pengajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua

PIPP : Pelan Induk Pembangunan Pendidikan

PPBM2 : pengajaran dan pembelajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua

PPBMA : pengajaran dan pembelajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa asing

PPHYA : pengajaran dan pembelajaran Hanyu sebagai bahasa asing

SK : Sekolah Kebangsaan

UiTM : Universiti Teknologi Malaysia

UKM : Universiti Kebangsaan Malaysia

UM : Universiti Malaya

UMK : Universiti Malaysia Kuantan

UMP : Universiti Malaysia Pahang

UPM : Universiti Putra Malaysia

UPSI : Universiti Pendidikan Sultan Idris

USM : Universiti Sains Malaysia

UTP : Universiti Teknologi Petronas

WTO : *World Trade Organisation*





1.0 PENGENALAN

Hanyu (汉语) atau bahasa Mandarin baku adalah bahasa pengantar bangsa Han (汉族的共同语言) yang berasaskan kepada dialek Beijing. Ia adalah bahasa *standard* yang telah dirasmikan oleh kerajaan China sebagai bahasa pengantar seluruh negara, atau juga dikenali sebagai Putonghua. Di Malaysia, Hanyu dikenali sebagai Huayu (华语) atau Bahasa Cina (BC), iaitu bahasa orang Cina manakala di Taiwan, ia dikenali sebagai Guoyu (国语), iaitu bahasa rasmi Taiwan.

Dalam kegunaan seharian, istilah 'bahasa Mandarin' sering digunakan. Ia biasanya merujuk kepada bahasa Mandarin baku. Dalam penyelidikan ini, istilah 'bahasa Mandarin' digunakan kerana ia sejajar dengan nama kursus Bahasa Mandarin Komunikasi yang diikuti oleh subjek kajian di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Mandarin adalah bahasa yang mempunyai penutur yang paling ramai di dunia (Oriental Daily News 2006, m.s.D2-D4) . Pembelajaran bahasa Mandarin telah menjadi *trend* yang terkini. Ini adalah kerana dalam era globalisasi, kedudukan negara China menjadi semakin penting, sama ada dalam bidang ekonomi mahupun bidang yang lain, khasnya selepas negara China menjadi ahli Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan berjaya menjadi tuan rumah Sukan Olimpik pada tahun 2008. Kedudukan bahasa Mandarin juga telah dipertingkatkan penggunaannya memandangkan China akan menjadi rakan perdagangan ekonomi yang kuat di dunia. Nilai ekonomi bahasa





Mandarin semakin tinggi dan akan menjadi salah satu bahasa antarabangsa yang penting.

Di China, sebanyak 400 buah universiti telah menawarkan kursus bahasa Mandarin kepada pelajar luar negeri dan universiti-universiti ini dijangka telah menerima seramai 400,000 orang pelajar luar negeri (Bifeng 2006, m.s.5) . Menurut Gu Hongxing, Pengarah Bahagian Budaya Kedutaan Republik China di Malaysia, kini lebih daripada 2300 buah universiti di dunia telah menawarkan kursus bahasa Mandarin. Di antaranya ialah Thailand, Amerika Syarikat, Indonesia, Filipina, Malaysia, Korea, Jepun, Sepanyol, Portugis, Belgium, Afrika dan negara-negara lain. Bilangan pelajar yang mempelajari bahasa Mandarin telah melebihi seratus juta orang, iaitu telah meningkat lebih kurang 40%. (Nanyang Siangpau 2007, m.s.A5)



Keadaan yang sama juga berlaku di Malaysia. Bilangan pelajar yang mempelajari bahasa Mandarin telah bertambah, khasnya dalam kalangan pelajar Melayu. Institusi-institusi tempatan sama ada di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) telah menawarkan kursus bahasa Mandarin untuk memenuhi permintaan semasa. Sehingga kini, sebanyak 10 buah IPTA atau IPTS tempatan seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UiTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi



kursus Mandarin sebagai kursus elektif mulai akhir tahun 90-an. (Tan 2007, m.s.1-2)

Di samping itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan mata pelajaran Bahasa Cina Komunikasi (BCK) di sekolah kebangsaan (SK) pada tahun 2005 untuk menarik minat murid pelbagai kaum mempelajari BC di SK serta memberi peluang kepada mereka mempelajari bahasa-bahasa lain. Mulai tahun 2007, KPM merancang menggantikan BCK dengan BC dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 (PIPP2006). BC akan dirintis di 150 buah SK pilihan (KPM 2006, m.s.80). Usaha KPM telah mencapai hasil yang memuaskan. Sebanyak 100 buah sekolah kebangsaan telah menawarkan mata pelajaran BC sebagai pilihan elektif kepada pelajar pada Januari tahun 2007. Sehingga kini, seramai 1908 orang pelajar sekolah kebangsaan sedang mempelajari BC. (Sinchew 2007, m.s.05)

1.1 Pernyataan Masalah

Dalam proses pembelajaran bahasa Mandarin, tidak kira sama ada sebagai bahasa pertama (B1) atau bahasa kedua (B2), sistem fonetik bahasa Mandarin atau dikenali sebagai Hanyu Pinyin (HP) (汉语拼音) merupakan ilmu asas yang harus dipelajari. Ini selaras dengan pandangan Fries (1962, m.s.3), di mana apabila seseorang mempelajari sesuatu bahasa, beliau mestilah bermula dengan sistem fonetik bahasa terlebih dahulu. Tulisan Cina merupakan tulisan yang berbentuk piktografik dan ia adalah rumit bagi pelajar yang baru mengenali tulisan ini. Pembaca akan menghadapi



masalah sekiranya wujud sesuatu perkataan baru dalam pembacaannya. Maka HP merupakan alat yang digunakan untuk menulis sebutan bahasa Mandarin di samping memudahkan para pelajar mempelajari bahasa Mandarin.

Namun begitu, hasil pembelajaran HP sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar tidak mendatangkan hasil yang memuaskan. Dalam hal ini, Zhao Yuanren (赵元任) (1980, m.s.156) berpendapat bahawa pembelajaran bahasa asing dibahagikan kepada 3 bahagian, iaitu fonetik, perbendaharaan kata dan tatabahasa. Di antaranya, bahagian fonetik merupakan bahagian yang paling susah dan paling penting. Menurut Lin Tao (林涛) (2002 dalam Sun 2006, m.s.1), pengajaran fonetik di China bukan sahaja tidak berkembang malahan semakin merosot. Manakala di Malaysia, Tong Sem-Ting (1992, m.s.94-102) berpendapat bahawa pelajar Melayu telah menghadapi gangguan dalam pembelajaran bahasa Mandarin. Hasil kajian para sarjana tempatan seperti Tong (1992, m.s.94-102), Tan (1993, m.s.162-166), Lee, Lau & Mok (2007, m.s.188-201) dan Zhuang (2005, m.s.249-262) juga telah memaparkan keadaan di mana pelajar Melayu menghadapi masalah sebutan fonetik bahasa Mandarin, khasnya suku kata awal (声母) dalam sistem HP.

Dalam penyelidikan ini, pengkaji akan cuba meneliti keupayaan pelajar Melayu membezakan sebutan fonetik bahasa Mandarin dalam aspek kemahiran mendengar. Berasaskan data yang dikumpulkan, pengkaji akan mengkategorikan jenis-jenis kesilapan yang berlaku serta menghitung kekerapannya, meneliti punca kesilapan dan



seterusnya mengemukakan langkah-langkah yang berkesan untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar Melayu.

1.2 Persoalan Kajian

Dalam pembelajaran sebutan fonetik bahasa Mandarin, didapati ramai pelajar yang mengikuti kursus bahasa tersebut di UPSI tidak dapat mempelajari sebutan fonetik dengan baik. Maka, kajian ini akan cuba menerokai soalan-soalan dalam aspek kemahiran mendengar seperti berikut :

- i. Sejauhmanakah pelajar berupaya mentranskripsikan dan membeza komponen fonetik bahasa Mandarin ?
- ii. Apakah kesilapan yang lazim dilakukan oleh pelajar dalam mentranskripsikan suku kata awalan, suku kata akhiran dan nada fonetik bahasa Mandarin ?
- iii. Apakah punca-punca masalah yang menyebabkan kesilapan berlaku dalam proses mentranskripsikan sebutan fonetik bahasa Mandarin ?

1.3 Objektif Penyelidikan

Kajian ini secara khususnya akan mengkaji keupayaan pelajar Melayu dalam pembelajaran bahasa Mandarin, khasnya dari segi keupayaan mentranskripsikan dan membezakan sebutan fonetik bahasa Mandarin dalam aspek kemahiran mendengar. Penyelidikan ini bermatlamatkan kepada beberapa objektif:



- i. Menganalisis keupayaan pelajar mentranskripsikan dan membezakan komponen fonetik bahasa Mandarin,
- ii. Mengkaji kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dalam mentranskripsikan suku kata awal, suku kata akhir dan nada bahasa Mandarin,
- iii. Mengenalpasti punca-punca kesilapan yang berlaku dalam proses mentranskripsikan sebutan bahasa Mandarin,

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini memperlihatkan beberapa kepentingan seperti berikut:

1.4.1 Sumbangan Dari Segi Teori

Di China, banyak kajian berkenaan pembelajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua (PBBM2) telah dijalankan oleh pakar-pakar bahasa. namun ianya masih kurang dan terhad memandangkan mempelajari bahasa Mandarin menjadi satu perkembangan yang begitu pesat di seluruh dunia. Di Malaysia, walaupun beberapa penyelidikan telah dilakukan oleh ahli akademik tempatan, namun hasil penyelidikan yang sedia ada masih tidak mencukupi untuk memaparkan keadaan yang menyeluruh dalam bidang PBBM2.

Hasil kajian diharap akan dapat membantu akademik tempatan membuat penyelidikan selanjutnya dalam bidang ini memandangkan penyelidikan ini memaparkan keadaan pelajar Melayu mempelajari HP yang merupakan ilmu asas bahasa Mandarin.





Selain itu, pengkaji juga berharap dapatan penyelidikan ini dapat membantu pengajar

atau mereka yang berminat menceburi bidang pengajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua (PGBM2) melalui penyediaan rekabentuk rancangan pengajaran dan bahan pengajaran yang lebih sesuai.

1.4.2 Sumbangan Dari Segi Praktis

Penyelidikan ini diharapkan dapat memberi gambaran tentang kekeliruan yang dihadapi oleh pelajar Melayu dalam proses pembelajaran bahasa Mandarin, khasnya dari segi kemahiran mendengar dalam aspek mentranskripsikan dan membezakan sebutan dalam HP. Ini akan banyak membantu pelajar untuk memahami masalah dan mencari cara penyelesaian untuk mengatasinya;



Dapatan kajian ini juga diharapkan dapat memberi gambaran yang jelas kepada pelajar untuk menambahbaikkan kaedah pembelajaran yang sedia ada, menggunakan strategi yang lebih kreatif dan menjadikan proses pembelajaran bahasa sebagai satu aktiviti yang menarik.

1.5 Limitasi Penyelidikan

1.5.1 Dari Segi Bilangan Subjek

Tumpuan kajian ini terhad kepada 40 subjek daripada 48 orang pelajar yang mengikuti Kursus Bahasa Mandarin Komunikasi I (BCA1012) di UPSI. Pelajar yang dipilih sebagai sasaran penyelidikan adalah sama peringkat iaitu kesemuanya dari peringkat I dalam kursus BCA 1012.



1.5.2 Dari Segi Kaedah Penyelidikan

Penyelidikan ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif. Instrumen kajian terhad kepada ujian mendengar dan soal selidik yang diberi kepada pelajar. Ujian mendengar dan soal selidik merupakan instrumen kajian utama dalam penyelidikan ini supaya dapat memperolehi data yang dapat menggambarkan keupayaan kemahiran mendengar pelajar dalam pembelajaran Mandarin, khasnya dalam aspek sebutan HP.

1.5.3 Dari Segi Hasil Penyelidikan

Hasil kajian ini tidak semestinya sama dengan pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Mandarin di institusi/universiti lain. Ini kerana setiap institusi atau universiti yang menawarkan kursus sebegini masing-masing menggunakan kaedah pengajaran dan modul yang berlainan. Di samping itu, masa pembelajaran kursus bahasa Mandarin di setiap institusi/universiti juga berbeza.

1.5 Kesimpulan

Hanyu telah menjadi bahasa yang penting dalam abad yang baru ini. Perkembangan bahasa ini menggalakkan ramai orang belajar bahasa Mandarin dan seterusnya membawa kepada perkembangan penyelidikan dalam bidang ini. Maka secara kesimpulannya, penerokaan penyelidikan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa Mandarin sebagai B2 (PPBM2) adalah perlu dijalankan supaya memenuhi kehendak zaman dan juga tidak ketinggalan zaman.